

PEMBANGUNAN INDUSTRI KOMODITI BERPOTENSI

I. LATARBELAKANG PROGRAM/PROJEK

1. Industri komoditi berpotensi telah dikenalpasti sebagai satu industri yang berpotensi sebagai sumber pertumbuhan baru bagi memperluaskan asas pertumbuhan sektor pertanian. Projek ini bertujuan meningkatkan pengeluaran komoditi berpotensi secara besar-besaran bagi membolehkan negara beranjak daripada kedudukan semasa bagi menambah nilai eksport dan mengurangkan import.
2. Jabatan Pertanian telah mengenalpasti beberapa komoditi yang berpotensi sebagai penyumbang kepada ekonomi negara dan mempunyai permintaan di pasaran tempatan dan luar negeri. Komoditi ini didapati berpotensi dari segi adanya permintaan yang tinggi bagi niche market di dalam negara. Komoditi-komoditi tersebut adalah herba & rempah ratus, roselle, vanilla, cendawan dan madu lebah.
3. Herba dan rempah-ratus merupakan tanaman yang berpotensi di mana mempunyai pelbagai kegunaan dalam makanan dan minuman, farmaseutikal, ubatan tradisional, penjagaan kesihatan, perisa, pewarna dan pewangi serta untuk pengeluaran minyak pati bagi kegunaan kosmetik dan perubatan. Di dalam industri minyak pati hasil minyak daripada Nilam, Limau Purut, Kesum, Serai Wangi, Halia diberi perhatian disebabkan nilai komersil yang tinggi. Manakala di dalam industri farmaseutikal, ekstrak daripada Tongkat Ali, Kacip Fatimah, Halia Bara di beri tumpuan. Permintaan daripada industri teh herba dan "energy supplements" serta minuman terus herba yang dihasilkan daripada Misai Kucing, Mas Cotek, Temulawak, Pegaga, Halia terus meningkat berikutan pengguna masa kini mementingkan kesihatan.
4. Roselle mempunyai potensi untuk diproses kepada pelbagai produk khususnya makanan dan minuman seperti halwa jam, jeli, puree, jus, kordial dan sebagainya. Di samping itu roselle juga boleh digunakan dalam industri pembuatan kosmetik, produk mandian, farmaseutikal, makanan ternakan dan biomass. Pembangunan industri roselle akan dipertingkatkan memandangkan pelbagai produk akhir dari komoditi ini mempunyai potensi pasaran tempatan yang bernilai RM 1,050 juta menjelang tahun 2010 menerusi gantian barangan import seperti jus minuman buah-buahan, halwa, acar dan jem di samping pasaran produk minuman dan makanan kesihatan, teh herba, minyak pati dari biji roselle, kosmetik dan minuman tetrapak.

5. Madu lebah mempunyai potensi yang besar memandangkan nilai import madu lebah berjumlah RM 23.2 juta pada tahun 2007. Usaha Jabatan Pertanian untuk melaksanakan projek pemeliharaan lebah madu secara komersial belum mencapai kejayaan sebagaimana yang diharapkan. Dalam RM ke 9, Jabatan Pertanian akan terus berusaha membaikpulih projek berkenaan dengan memperkenalkan lebah *Apis Melifera* kepada pengusaha.
6. Dalam industri cendawan, jumlah eksport pada tahun 2007 sebanyak 4,805 MT bernilai RM 33,453. Manakala import produk cendawan sebanyak 21,077 MT dengan nilai RM 86,435. Kebanyakan produk yang di eksport dan di import merupakan produk dalam bentuk segar dan diproses. Permintaan dalam negara bagi cendawan pada tahun 2007 adalah sebanyak 18,896 MT. Walaubagaimanapun hanya 31.1% daripada jumlah tersebut yang boleh dibekalkan pada tahun yang sama. Dalam tempoh akhir RM ke 9, Jabatan Pertanian akan terus menggalakkan para petani dan usahawan untuk terlibat dalam mengusahakan penanaman cendawan bagi memenuhi permintaan tempatan yang semakin meningkat.

II. OBJEKTIF PROJEK

7. Objektif Projek ini ialah untuk:
 - i) Membangunkan industri komoditi berpotensi yang merangkumi cendawan, madu lebah, herba, rempah ratus, roselle dan lain-lain komoditi berpotensi sebagai perusahaan atau tanaman selingan/jangka pendek secara komersil yang dapat memberi pendapatan bersih keluarga tani sekurang-kurangnya RM1,000.00 sebulan di bawah sistem jaminan harga, pasaran berkontrak, insentif dan pinjaman mudah tanpa cagaran.
 - ii) Memenuhi keperluan/permintaan semasa bahan mentah yang berkualiti dan konsisten kepada pengilang-pengilang atau pengusaha-pengusaha tempatan yang terlibat dalam industri pemrosesan di bawah pengurusan sistem rantaian bekalan yang efisien.

- iii) Membentuk satu pakatan kerjasama (strategic alliance) yang padu di antara pemain industri (pengilang dan pengeluar tanaman herba/roselle) bersama Jabatan Pertanian, FAMA, AgroBank dan MARDI serta agensi agensi R&D dalam membangunkan dayaasaing industri komoditi berpotensi yang merangkumi cendawan, madu lebah, herba dan roselle.